



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PENGARAH PERKHIDMATAN ELEKTRIK (SUPERSCALE B)
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENGARAH PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
SUPERSCALE B (\$8,000 EB KHAS \$8,210 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Mechanical Engineering / Electrical and Electronics Engineering* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. a) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji *Superscale C* atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sebagai Timbalan Pengarah atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji *Superscale C* atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 10 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat di mana-mana agensi yang berkaitan di sektor swasta atau bukan Kerajaan tidak kurang dari 16 tahun pengalaman dalam bidang atau industri bersesuaian. Bertanggungjawab secara progresif dalam jawatan kepimpinan dan pengurusan kanan tidak kurang dari 5 tahun. Berpengalaman dalam menjalankan peranan dan tanggungjawab yang tinggi dalam organisasi seperti membuat keputusan strategik, mengurus risiko, memimpin pasukan besar dan menyelaraskan matlamat organisasi dengan pencapaian individu.



Telah berkhidmat dengan Kerajaan secara diperbantukan di dalam jawatan kanan yang bertaraf Pengarah atau sebanding sekurang-kurangnya 3 tahun adalah kelebihan.

3. Pengalaman dalam memimpin projek berskala besar adalah satu kelebihan.
4. Lulus / dipersyaratkan untuk lulus dalam kursus "**Program Pembangunan Eksekutif**" di institusi-institusi tempatan ataupun luar negara atau kursus sebanding yang diiktiraf oleh Kerajaan.
5. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Memastikan bahawa bekalan elektrik adalah berterusan dan *reliable*;
2. Memastikan pengurusan dan pentadbiran yang berkesan, jujur dan amanah lagi efisien;
3. Mengurus dan mengawal kerja-kerja pembelian dan tawaran;
4. Mengawal kewangan termasuk perbelanjaan Jabatan dan memastikan kutipan hasil lancar dan sempurna;
5. Mengurus permohonan bekalan elektrik;
6. Mendaftarkan pekerja-pekerja pemborong dan pembekal bagi perkara yang bersangkutan paut dengan Perkhidmatan Elektrik;
7. Mengurus dan mengawas projek-projek Perkhidmatan Elektrik;
8. Membuat perancangan dan perkembangan bagi *power system* bagi Negara Brunei Darussalam;
9. Mengurus dan mengawal bidang keselamatan (*Safety and Security*) terutama bagi perkara yang bersangkutan paut dengan Perkhidmatan Elektrik bagi kakitangan dan Orang Ramai dan juga bagi harta benda (perkakas) kerajaan;



10. Menyediakan anggaran tahunan Jabatan dan juga anggaran bagi Rancangan Kemajuan Negara (tiap-tiap lima tahun sekali);
11. Menyelaraskan projek-projek kerjasama serantau seperti *Association of Southeast Asian Nations (ASEAN)*, *Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC)*, *Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMPEAGA)* dan lain-lain yang bersangkutan paut dengan tenaga elektrik; dan
12. Menjadi Urusetia bagi Jawatankuasa Tenaga Kebangsaan.